

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 9 Mac 2017

SOALAN

Dato' Hajah Normala Bt Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perancangan dan tindakan oleh pihak Kementerian dalam membendung isu kanak-kanak yang menjaja dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat prihatin terhadap kebajikan dan perlindungan kanak-kanak. Kebajikan dan perlindungan kanak-kanak dilihat dari empat aspek seperti yang digariskan di dalam Convention on the Right of Children (CRC) iaitu Hak Kehidupan, Hak Perlindungan, Hak Perkembangan dan Hak Penyertaan. Berhubung dengan aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak iaitu menjalankan penjaan dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga, isu ini perlu dilihat secara diplomatik dan memerlukan tindakan berbentuk intervensi sosial terhadap keluarga tersebut. Sekiranya aktiviti yang dijalankan ini boleh menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Tuan Yang Dipertua, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha melindungi dan membantu kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi. Bantuan dan perkhidmatan disediakan kepada kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan bantuan untuk dapat meneruskan kelangsungan hidup. Antara bantuan dan perkhidmatan yang disediakan adalah: i. bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup dan mengelak dari kanak-kanak menjalankan penjaan yang boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan mereka; ii. perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak untuk mengendalikan keperluan emosi kanak-kanak. Kaunseling kepada keluarga dan program keibubapaan akan turut diberikan bagi memastikan mereka mengetahui aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak. iii. Kanak-kanak diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan. iv. Sekiranya keluarga tidak mampu untuk menjaga kanak-kanak, kanak-kanak boleh diambil ke dalam jagaan di institusi JKM untuk jagaan dan perlindungan di bawah Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001. Di samping itu terdapat juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah JKM boleh memainkan peranan membantu melindungi kanak-kanak ini. Namun, ini adalah langkah terakhir selepas usaha-usaha lain dilaksanakan. v. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka. Tuan Yang Dipertua,

